

Newspaper	HARAKAH
Date	16 MARCH 2015

Krisis 1MDB akan menjatuhkan Najib Harakah - 16/3/2015

HARAKAH: Boleh Dato' jelaskan tentang kronologi bagaimana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sejak dari awal telah disangsikan akan mendatangkan masalah?

MUJAHID: Kita lihat isu 1MDB ini pada awal lagi merupakan satu yang meragukan. Perjalanan kewangan korporatnya itu, pertamanya ia milik penuh Kementerian Kewangan (MOF) dan ia ada peringkat organisasinya. Satunya peringkat penasihat di mana Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai Pengerusi Badan Penasihat.

Kemudian ada Pengarah Urusan (BOD) dan ketiganya Bahagian Pentadbiran. Ia memainkan peranan untuk dana pelaburan dan sebagainya yang mahu dilihat membawa keuntungan kepada negara. Peranannya sebijaksana seperti Khazanah Nasional Berhad.

Dalam sebuah negara jika ada pelaburan negara (*severance fund*) seperti Khazanah Nasional sebelum ini banyak membuat pelbagai pelaburan dan terlibat dalam pelbagai perniagaan yang mempunyai secara perbandingannya satu pengurusan korporat yang lebih telus, baik. Jadi mengapa perlu ada satu lagi yang mempunyai peranan yang serupa. Itu persoalan awal. Keduanya dalam masa lima tahun sahaja 1MDB ditubuhkan ada yang mengatakan mengumpul hutang sebanyak RM40 bilion, ada yang kata RM38 bilion.

Jadi kita letak RM40 bilionlah, maknanya ia berhubung dengan jumlah yang cukup besar. Hutangnya kalau tidak silap saya dikatakan diambil daripada enam buah bank kecuali CIMB yang tidak ada untuk diberi dalam bentuk terbitan bond.

Bagaimanapun jika kita lihat dalam transaksi pengurusan kewangannya itu agak mengelirukan. Dan yang paling menonjol ialah isu usahasama dengan PetroSaudi

KRISIS pengurusan kewangan syarikat pelaburan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) dilihat sebagai satu peluru terakhir yang boleh menjatuhkan Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak. Tekanan terhadap Najib ini berganda ditambah pula dengan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula mula bersuara agar 1MDB disiasat dengan telus.

Mengikuti pandangan selanjutnya tentang 1MDB itu Wartawan Kanan Harakah, ROY RASUL menemui Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr Mujahid Yusof di Parlimen pada 12 Mac lalu.



International. Di sini timbul persoalan dan itu yang dikatakan keraguan tadi. Bagaimana Lembaga Pengarah tidak mengarahkan atau tidak membuat satu penelitian kepada usaha sama itu. Ini kerana usaha sama dengan PetroSaudi International kita tahu siapa mereka, siapa punya syarikatnya. Dan saya difahamkan PetroSaudi International itu hanya syarikat kulit. Maknanya di dalamnya tidak ada apa pun umpamanya untuk dicagarkan. Ia juga dikatakan, apa pun tidak ada untuk dilihat sebagai syarikat yang ada jaminan-jaminan.

Ia cuma didaftar sebagai sebuah syarikat di persisiran pantai. Lebih buruk daripada itu, difahamkan kononnya ia tunjukkan ada buat satu usahasama lain dengan syarikat minyak Kanada kononnya ia ada satu penerokaan minyak di Laut Caribbean dan penerokaan minyak kerajaan Turkmenistan.

Tetapi Akhirnya kita dapat usaha sama dengan syarikat Kanada. Ia diluluskan setelah membuat perjanjian 1MDB. Akhirnya 1MDB dalam usaha sama itu kerana dalam persefahaman usaha sama itu bayar hutang PetroSaudi International 700 juta USD atau dalam lebih

kurang RM2.5 bilion.

Jadi apabila kita teliti melalui satu kajian yang dibuat

Akhbar *The Edge* dan juga *Sarawak Report* menunjukkan RM700 juta yang sepatutnya mereka bagi kepada PetroSaudi International dalam perjanjian untuk membayar hutang PetroSaudi International. Akhirnya didapati tidak pergi pun kepada PetroSaudi International.

Ia dimasukkan ke dalam akaun sebuah syarikat di mana dikatakan individu tertentu ada kepentingan. Jadi di sini kita lihat RM700 juta itu kena 'rompak' betul-betul dari 1MDB, bukan untuk usaha sama tetapi dirompak kepada individu tertentu dengan menggunakan platform usaha sama itu.

Jadi kerajaan Malaysia terpaksa bayar hutang berbilion itu, kemudian dibailoutkan oleh hartawan Malaysia, T Ananda Krishnan. Itu antara transaksinya yang begitu dilihat tidak telus malah boleh dianggap sebagai 'rompak terbesar'. Kita namakan sebagai rompak terbesar negara ini dibuat melalui platform 1MDB yang mana perdana menteri sebagai pengerusi lembaga penasihat. Beliau

tidak boleh kata tidak apa yang berlaku sedangkan duit itu diberi suntikan awal RM5 bilion oleh kerajaan.

Kemudian disuntik lagi beberapa suntikan hingga pada ini mungkin sudah dua atau tiga puluh bilion. Itu adalah daripada jaminan kerajaan. Itu maksudnya anda tidak perlu rompak bank untuk mendapat berbilion ringgit. Anda hanya perlu pandai menggunakan platform perniagaan yang negara ada kepentingan untuk anda merompak duit itu. Sehingga hari ini hendak tanya mana pergi RM700 juta itu.

Tetapi yang kita dapat maklumat dan kerajaan mesti bersih dan beritahu betul atau tidak sebagaimana kerajaan yang dibuat itu pergi kepada akaun Swiss Bank yang dimiliki oleh seseorang.

Soalan saya apabila duit itu kepunyaan 1MDB, semua proses transaksi, proses pelaburan sepatutnya mempunyai satu standard piawaian yang dinamakan piawaian kewangan korporat. Contohnya kita tengok dahulu syarikat itu, boleh dipercayai atau tidak dan kena buat proses yang perlu dilakukan secara bijaksana. Ini kerana melibatkan pelaburan yang besar dan merugikan negara kita. Ini yang luar negara namakan sebagai rompak besar.

Kemudian pertikaian dari semasa ke semasa tentang perjalanan pengurusan 1MDB bertukar-tukar Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)?

Memang jelas CEO 1MDB yang pertama, Mohd Hazem Abdul Rahman semasa transaksi semua berlaku beliau perlu bertanggungjawab walaupun sudah tidak ada di situ. Sekarang ini digantikan pula oleh Arul Kanda Kandasamy dan kita minta supaya perkara ini jangan dilindungi melalui kepentingan syarikat dan tidak boleh didedahkan. Sebabnya ini bukan kepentingan syarikat

dan 1MDB itu untuk kepentingan negara. Satu lagi yang peliknya betapa syarikat audit terbesar menarik diri daripada membuat auditing kerana mereka tidak boleh audit.

Ini kerana di sana berlaku transaksi yang meragukan. Maknanya jika syarikat audit sendiri tidak mahu audit maknanya mereka tidak berani untuk bertanggungjawab. Takut nanti mereka dibabitkan sama dalam transaksi tersebut. Pelik juga apabila dikatakan mereka meminta suntikan dana daripada kerajaan lebih RM3 bilion. Suntikan dana itu mungkin untuk bayar hutang lagilah tetapi difahamkan barisan kabinet menolak.

Adakah penolakan kabinet terhadap dana itu yang merupakan satu bentuk undi tidak percaya kepada Najib oleh kabinet?

Kalau begitu sepatutnya Najib letak jawatan.

Selepas itu bagaimana kemelut mula tergambar dengan masalah membabitkan pelaburan di beberapa tempat seperti Cayman Island yang tidak mendatangkan keuntungan.

Itulah semua duit-duit yang disebut tadi itu semua pelaburan syarikat kerjasma itu semuanya berlaku di Cayman Island. Syarikat PetroSaudi National didaftarkan di Cayman Island dan duit yang dikatakan RM700 juta itu pun dibuat proses transaksi dari Cayman Island. Cayman Island itu ada satu zon persisiran dan bank persisiran pantai itu dan ia tidak terikat sangat dengan undang-undang negara itu.

Dan ia lebih bebas dan mudah untuk berurus niaga, syarikat-syarikat tidak mahu terikat dengan sistem perundangan perbankan yang ketat dan sebagainya. Maka mereka menggunakan ini sebagai tempat untuk melaku-

kan perniagaan. Itu maksudnya Cayman Island bukan untuk melabur sahaja tetapi hanya tempat di mana ia merupakan perlu dianggap sebagai syurga perniagaan persisiran pantai.

Ia tertakluk kepada undang-undang persisiran pantai yang lebih fleksibel dari sudut transaksi pelaburan berbanding dengan bank yang ada di dalam tempat selain persisiran pantai. Tidak terikat dengan akta-akta tertentu. Cuma terikat dengan proses perundangan yang cuba mengawal 'black money' yang dipanggil duit haram yang boleh digunakan penganas.

Selepas itu 1MDB dikaitkan dengan pihak tertentu dan terkini diarah audit serta kemelut dalaman Umno yang berpunca daripada masalah Najib gagal melihat 1MDB.

Ya mesti sebab hari ini jika kita tengok isu 1MDB ini menimbulkan juga satu krisis di dalam Umno dan mereka juga melihat tentang kredibiliti Najib yang telah memusnahkan hasrat dan matlamat tujuan penubuhan yang pada awalnya disebut satu persaingan dengan Khazanah Nasional Bhd. Segala keraguan itu menampakkkan satu beban kepada Umno dan ia menampakkkan krisis kepimpinan Najib itu sudah sampai kemuncak dan saya menganggap 1MDB itu satu peluru terakhir yang boleh menjatuhkan Najib.

Sebab itu Timbalannya mula bercakap tentang perlunya satu siasatan yang bebas. Peringkat awal kita lihat Najib tidak mahu Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Parlimen (PAC) ambil alih. Tetapi oleh kerana tekan dan desakan beliau bersetuju dan akhirnya membuat satu kajian yang bebas. Malah sebelum ini saya buat kenyataan bukan PAC sahaja tetapi satu siasatan bebas perlu diadakan kerana ini merupakan 'rompak' terbesar negara.

